

30/09/1997

Taklimat khusus disediakan

KOTA KINABALU, Isnin - Kementerian Pembangunan Usahawan akan mengadakan taklimat khusus kepada semua kerajaan negeri tidak lama lagi, mengenai program yang akan dilaksanakan Kerajaan Pusat untuk melahirkan kelas menengah Bumiputera.

Timbalan Menterinya, Idris Jusoh, berkata langkah itu bagi memastikan semua program kementerian bagi mencapai matlamat itu diselaras di peringkat negeri.

"Kita sudah memberi taklimat kepada semua agensi kerajaan negeri pada 18 September lalu.

"Semua agensi sudah diberi penerangan supaya mereka mengagihkan projek kepada usahawan Bumiputera. Jadi penerangan seterusnya ialah kepada kerajaan negeri," katanya selepas melancarkan Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil Peringkat Negeri Sabah, di sini hari ini.

Hadir sama Timbalan Ketua Menteri, Datuk Joseph Kurup serta Pengerusi Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (Sedco), Datuk Yahya Lampong.

Usaha melahirkan Bumiputera kelas menengah iaitu mereka berpendapatan di antara RM5,000 dan RM10,000 sebulan dicetuskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Matlamat itu yang kini menjadi agenda nasional bertujuan melahirkan lebih ramai Bumiputera yang mempunyai semangat keusahawanan dan mampu bersaing di pasaran global.

(END)